

SPR diberi kuasa lebih luas awasi, selia pilihan raya

BH 9 DEC 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan diberi kuasa yang lebih luas, terutama dari segi pelaksanaan dan pengawasan di pusat penamaan calon serta pengundian bagi menjamin kelancaran proses pilihan raya.

Pada masa ini, SPR hanya mempunyai kuasa pentadbiran manakala tugas pengawasan dilakukan polis dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata pemberian kuasa itu adalah antara cadangan pindaan dalam akta pilihan raya yang sedang diteliti kerajaan.

Pindaan itu membabitkan Akta Pilihan Raya, Akta Kesalahan Pilihan Raya dan Akta Penjalanan Pilihan Raya.

Dr Rais berkata, pemberian kuasa kepada SPR bukan bermakna untuk meniadakan kuasa polis dan kerajaan tempatan, tetapi sebagai pendekatan bersepadu bagi membantu pihak

berkenaan melancarkan proses pilihan raya.

Di Dewan Rakyat baru-baru ini, Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Ruhanie Ahmad berkata sewaktu proses berkempen, SPR seolah-olah tidak berani menegur, apatah lagi mengambil tindakan terhadap pembangkang.

Dr Rais yang dihubungi hari ini, berkata SPR perlu diberi kuasa penyeliaan dan pengawasan bagi memastikan keadaan pada hari penamaan calon dan pengundian berjalan lancar.

Katanya, pindaan akta itu turut merangkumi cadangan untuk membenarkan masalah penggunaan sentimen keagamaan dan perkauman yang melampau dalam kempen pilihan raya.

Selain itu, tempoh waktu penyerahan borang penamaan calon akan dipendekkan manakala kedudukan penyokong calon yang bertanding dijarakkan serta ditegah menggunakan pembesar suara.

Dr Rais berkata, antara rasional cadangan yang di-

buat itu adalah supaya proses pilihan raya lebih adil dan tersusun, mewujudkan suasana harmoni serta mengurangkan perbuatan keganasan yang boleh mencetuskan huru-hara.

Pada masa ini, proses penamaan calon mengambil masa separuh hari, iaitu bermula jam 9 pagi hingga 11 pagi untuk waktu mengemukakan borang penamaan calon dan 11 pagi hingga 12.30 tengah hari bagi waktu banfahan.

Dr Rais berkata, Kabinet sudah mengarahkan SPR dan Jabatan Peguam Negara menyegerakan cadangan pindaan itu.

"Pindaan itu dijangka siap tidak lama lagi untuk dibentangkan pada sidang Dewan Rakyat akan datang. Kita tidak boleh membawanya ke sidang Dewan Rakyat sekarang kerana mahu memasukan beberapa perkara baru," katanya.

Pelbagai pihak meminta undang-undang pilihan raya diperketatkan lagi

berikutan beberapa kejadian tidak diingini sepanjang kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas baru-baru ini, termasuk penggunaan isu agama, kaum dan beberapa insiden lain.

Minggu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata undang-undang pilihan raya perlu dikaji semula bagi memastikan tidak ada isu sensitif digunakan sebagai modal berkempen.

Dr Mahathir dalam kenyataannya berkata, kajian terhadap undang-undang pilihan raya juga perlu dibuat dalam menangani penggunaan kaedah mengugut, mengganggu dan keganasan oleh sesetengah parti politik untuk meraih undi.